

Pembangunan dan Pengesahan Instrumen Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Terhadap Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Persekutuan

Khadijah Muda^{1*}, Siti Nor Azhani Mohd Tohar¹, Khairul Anwar @ Johari Mastor², Nazri Muslim², Fazilah Idris² and Siti Nor Baya Yacob¹

¹*Centre for Core Studies & Leadership and Management Faculty, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia*

²*Center for Liberal Education (CITRA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

ABSTRAK

Unsur tradisi merupakan isu sensitif yang boleh mendatangkan pertelingkahan antara kaum. Di media sosial, elemen unsur tradisi sering menjadi punca percaduhan antara orang Melayu dengan bukan Melayu. Oleh itu, menjadi satu keperluan untuk memahami pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat terhadap unsur tradisi. Namun, tiada skala pengukuran yang disahkan dan dapat digunakan untuk mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat Malaysia terhadap unsur tradisi. Maka, kajian ini akan membangunkan skala yang sah dan dapat digunakan untuk mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, dijalankan secara keratan rentas terhadap 2389 responden melalui pensampelan berkelompok ke atas responden Melayu, Cina dan India di Semenanjung Malaysia, berusia 18 tahun dan ke atas. Instrumen soal selidik dibangunkan sendiri berdasarkan elemen unsur tradisi yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan dan model KAP (*knowledge, attitude and practices*) dan disemak oleh pakar bidang sosiologi perlembagaan dan psikometrik. Seterusnya ujian rintis dijalankan sebanyak

dua kali, dan etika penyelidikan diperoleh serta kajian sebenar dijalankan. Setelah selesai pengumpulan data melalui media sosial, pengesahan serta kebolehpercayaan konstruk dan item dilakukan menggunakan analisis *Item Response Theory* (IRT) dan *Conformation Factor Analysis* menggunakan perisian SPSS, Jamovi dan Amos. Hasil kajian menunjukkan 34 item bagi konstruk pengetahuan, sikap dan penghayatan sah dan

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 11 February 2022

Accepted: 27 September 2022

Published: 17 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.1.10>

E-mail addresses:

khadijahmuda@usim.edu.my (Khadijah Muda)

azhanitohar@usim.edu.my (Siti Nor Azhani Mohd Tohar)

kam2000@ukm.edu.my (Khairul Anwar Johari Mastor)

nazrim@ukm.edu.my (Nazri Muslim)

fazilah@ukm.edu.my (Fazilah Idris)

snorbaya@usim.edu.my (Siti Nor Baya Yacob)

* Corresponding author

dapat digunakan berdasarkan kepada kesahan dalaman ketiga-tiga konstruk (Cronbach $\alpha > .70$). Namun beberapa item bagi konstruk sikap dan penghayatan perlu dibuang iaitu item-item yang mempunyai *factor loading* yang rendah. Implikasinya, item-item yang tinggal lebih mengukur dengan tepat dan tidak berlaku pertindihan antara item.

Kata kunci: Dikotomi menggunakan Jamovi, KAP, kontrak sosial, Perlembagaan Persekutuan, Rasch model

The Development and Validation of Knowledge, Attitude, and Appreciation Instrument of Traditional Elements in the Federation Constitution

ABSTRACT

The traditional elements in the Federal Constitution, consist of language, religion, special rights of the Malays, and the monarchy a sensitive issue that could easily cause conflict between the races. Through social media, elements in these traditional elements are often the source of disputes involving major races in Malaysia. Thus, this study seeks to develop a valid and reliable scale to measure knowledge, attitudes, and appreciation of the traditional elements in the Federal Constitution of Malaysia. The methodology of this study uses a quantitative approach, conducted in cross-sectional and using a questionnaire as an instrument. The sample consisted of 2389 respondents who were Malay, Chinese, and Indian in Peninsular Malaysia aged 18 and above. The measurement scale of this study is based on the elements of traditional elements in the Federal Constitution and the KAP model (knowledge, attitude, and practices). The questionnaire was self-developed and reviewed by experts in constitutional sociology and psychometrics. Next, the pilot test was conducted twice, and some items were removed as well as added. Next, research ethics are obtained, and actual studies are conducted. The data collection through social media using cluster sampling, descriptive analysis, validation, and reliability of constructs and items was conducted using SPSS, Jamovi, and SEM Amos software. The results showed that 34 items for the construct of knowledge, attitude, and appreciation are valid and can be used based on the internal validity of the three constructs (Cronbach $\alpha > .70$). However, some items for the construct of attitude and appreciation should be removed. The implication is that the remaining items are more accurately measured, and there is no overlap between items.

Keywords: Dichotomy using Jamovi, Federal Constitution, KAP, Rasch model, social contract

PENGENALAN

Perlembagaan Persekutuan Malaysia terdiri daripada 15 bahagian (yang di dalamnya mengandungi 183 perkara)

dan 13 jadual (Jabatan Peguam Negara, 2020). Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama yang menjadi rujukan dalam pentadbiran negara

Malaysia. Perlembagaan ini telah diguna pakai buat pertama kalinya pada 31 Ogos 1957 sempena kemerdekaan Tanah Melayu. Perlembagaan Persekutuan telah digubal oleh Suruhanjaya Reid, sebuah suruhanjaya bebas yang dibentuk pada 21 Mac 1956 dan dipengerusikan oleh hakim makhkamah rayuan England, Lord William Reid. Keahliannya terdiri daripada barisan ilmuwan bidang perlembagaan iaitu Sir Ivor Jenning, Sir William Mackell, Tuan B.S Malik, dan Tuan Abdul Hamid (Arkib Negara Malaysia, 2020). Suruhanjaya Reid telah mengeluarkan draf pertama dan jawatankuasa kerja turut ditubuhkan untuk mengkaji draf pertama, seterusnya berlaku cadangan pindaan dan draf kedua dibahaskan dan diluluskan di Parlimen British. Pada 10 Jun 1957, kertas kerja turut dibahaskan dan diluluskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan, dan akhirnya diterima di negeri-negeri Tanah Melayu. Pembentukan Perlembagaan Persekutuan ini turut mengambil kira elemen tradisi yang merupakan identiti Malaysia iaitu institusi beraja, agama Islam, keistimewaan orang Melayu dan bumiputera, dan bahasa Melayu.

Unsur tradisi ini sering menjadi punca ketegangan antara kaum sama ada isu berkaitan hak istimewa orang Melayu atau isu berkaitan agama dan bahasa (Mohamed Ali Haniffa, 2016; Nazri Muslim, 2012). Kajian berkaitan elemen kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia banyak dijalankan oleh penyelidik tempatan (Haqimie, 2019; Nazri Muslim, 2012; Nazri Muslim et al., 2011, 2013), namun fokus

hanya kepada persoalan Islam dan orang Melayu sahaja. Kajian lepas juga lebih memberi fokus kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam sahaja (Nazri Muslim et al., 2011) dan tidak umum kepada masyarakat Malaysia. Unsur-unsur tradisi ini perlu dikaji kepada seluruh rakyat Malaysia pelbagai etnik kerana ia merupakan elemen penting untuk difahami dan dihayati dalam menjamin kelangsungan tamadun negara. Item-item yang dikemukakan dalam kajian lepas adalah amat sedikit yang dapat memenuhi kriteria statistik. Contohnya, Nazri Muslim (2012) tidak melakukan kesahan item dan konstruk dalam instrumen menggunakan EFA (*exploratory factor analysis*) dan CFA (*confirmation factor analysis*). Kaedah sekarang lebih bersistematis dan melalui langkah pengesahan (validasi) yang betul. Prosedur pembinaan dan pengesahan konstruk dan item perlu dilakukan bagi menghasilkan instrumen yang sah dan boleh digunakan, agar data yang diperoleh lebih tepat. Tingkah laku atau penghayatan masyarakat terhadap kepatuhan kepada unsur tradisi merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian demi keharmonian masyarakat. Maka, kajian ini akan membangunkan instrumen unsur tradisi yang telah diuji sahih dan sah secara statistik yang boleh mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat Malaysia terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Kajian yang dibangunkan ini akan digunakan untuk mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia dengan lebih tepat berdasarkan prosedur statistik yang betul.

TINJAUAN LITERATUR

Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Tradisi merupakan kesinambungan daripada generasi ke generasi, dan unsur tradisi ialah sistem yang ada sebelum lahirnya zaman moden yang mana kebergantungannya adalah pada hal agama dan nilai-nilai asal lainnya (Nazri Muslim et al., 2013). Sesuai dengan definisi “Melayu” dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu seseorang yang beragama Islam, lazimnya berbahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu. Maka kesemua elemen ini dimasukkan sebagai unsur yang dibawa secara tradisi daripada undang-undang yang sedia ada di Tanah Melayu ke dalam Perlembagaan Persekutuan mengikut keadaan masyarakat tempatan oleh British (Mohd Salleh Abas, 1929/1997). Jadual 1 ialah elemen-elemen unsur tradisi yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan (Jabatan Peguam Negara, 2020).

Jadual 1 menjelaskan bahawa semua elemen dalam unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan ditulis dengan jelas menggunakan bahasa perundangan. Namun, masyarakat akan lebih memahami semua elemen ini melalui huraian yang

menggunakan bahasa mudah melalui penulisan Mohd Salleh Abas (1985), Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang (2012), Nazri Muslim et al. (2011), Nazri Muslim (2012), Shamrahayu A. Aziz (2012), dan Wan Ahmad Fauzi Wan Husain et al. (2017). Unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan terdiri daripada empat elemen yang telah disenaraikan.

Pertama, pemerintahan beraja sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 32, 38, 40, 41, 42, 44, 70. Masyarakat Melayu secara tradisinya memang telah mengamalkan sistem pemerintahan beraja sejak berabad yang lalu. Namun, British mula campur tangan dalam urusan pentadbiran Tanah Melayu pada tahun 1824 melalui perjanjian Inggeris-Belanda, dan pada tahun 1946 British memperkenalkan Malayan Union. Kuasa sultan hilang menyebabkan timbulnya kemarahan orang Melayu dan Malayan Union dimansuhkan dan digantikan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Melalui perjanjian ini, kuasa sultan dikembalikan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan; kuasa sultan dipinda untuk disesuaikan dengan konsep berparlimen dan kemerdekaan (Mohd Salleh Abas, 1929/1997). Melalui semua isi kandungan Perlembagaan

Jadual 1
Elemen unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan

Elemen	Kandungan Perlembagaan Persekutuan
1. Sistem beraja	Perkara 32, Perkara 38, Perkara 40, Perkara 41, Perkara 42, Perkara 44, Perkara 70
2. Agama Islam dan agama lain	Perkara 3, Perkara 11
3. Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta etnik lain	Perkara 153
4. Bahasa Melayu dan bahasa lain	Perkara 152

Persekutuan, carian menunjukkan 437 kali nama Yang Dipertuan Agong disebut dalam Perlembagaan Persekutuan.

Namun, isu utamanya yang ingin diutarakan dalam unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan berkaitan sistem beraja adalah Yang Dipertuan Agong adalah ketua utama negara Malaysia, pemerintah tertinggi angkatan tentera Persekutuan, merupakan ahli tertinggi dalam kuasa perundangan Persekutuan di bawah Parlimen, memberi ampun dan menangguhkan hukuman kepada kesalahan yang disabitkan oleh Mahkamah Tentera bagi kesalahan yang dilakukan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, dan baginda hendaklah diberi keutamaan daripada semua orang dalam negaranya. Baginda juga berhak melantik Perdana Menteri, tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran Parlimen, mengadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja semata-mata berkenaan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, dan apa-apa tindakan pada mesyuarat itu serta hal lain yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan. Menurut Mohd Salleh Abas (1929/1997), Perlembagaan memperuntukkan Dipertuan Agong, semua raja dan gabenor perlu kerap bertemu untuk mewujudkan hubungan kerja yang baik.

Hal ini dapat direalisasikan dengan penubuhan Majlis Raja-Raja. Majlis Raja-Raja telah diwujudkan ketika tertubuhnya Malayan Union, dan masih diteruskan sehingga kini. Fungsi Majlis Raja-Raja adalah sebagaimana yang telah ditulis dalam Perkara 38 dan Jadual Kelima. Seterusnya,

berkaitan dengan kekebalan dan kedaulatan raja, Perkara 32(1) menyatakan bahawa Yang Dipertuan Agong tidak boleh didakwa dalam mana-mana perbicaraan dalam mana-mana mahkamah kecuali Mahkamah Khas. Tiada pindaan boleh dibuat berkaitan dengan Majlis Raja-Raja serta keistimewaan, kebesaran atau kemuliaan dan kedudukan mereka kecuali dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.

Kedua, agama Islam sebagai agama Persekutuan seperti petikan dalam Perkara 3 dan 11. Agama Islam ialah agama bagi negara Malaysia, namun agama-agama lain boleh diamalkan dengan harmoni. Wujudnya imbanginan antara pengikut agamat Islam dengan pengikut-pengikut agama lain di Malaysia. Bagi memelihara kesucian agama Islam sebagai agama Persekutuan, agama lain tidak boleh disebarluaskan kepada pengikut agama Islam. Secara tradisinya agama Islam telah diamalkan oleh orang Melayu sejak 500 tahun dahulu dan mungkin lebih awal lagi, serta pegangan agama yang kuat menyebabkan penjajah Portugis dan Belanda tidak dapat menyebarkan ajaran agama mereka kepada orang Melayu (Mohd Salleh Abas, 1929/1997). Sejak pemerintahan British, agama Islam tidak diganggu gugat oleh mereka. Yang Dipertuan Agong sebagai ketua agama Islam bertanggungjawab menjaga kesucian agama Islam. Setiap agama di Malaysia berhak menguruskan agama masing-masing tanpa gangguan, membangunkan sendiri binaan masing-masing dan menyelenggara serta menguruskan mengikut undang-undang. Tiada sesiapa yang boleh dipaksa membayar cukai bagi tujuan agama lain.

Ketiga, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebagaimana ditulis dalam Perkara 152. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia, namun bahasa lain bebas digunakan oleh sesiapa sahaja. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan lebih besar perannya daripada bahasa rasmi (Mohd Salleh Abas, 1929/1997). Bahasa selain daripada bahasa Melayu juga boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja dan boleh diajarkan kepada sesiapa sahaja. Tetapi, untuk urusan rasmi rakyat Malaysia perlu menggunakan hanya bahasa Melayu sahaja. Maksud rasmi ialah apa-apa urusan yang berkaitan dengan urusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau urusan berkaitan pihak berkuasa tempatan. Akhir sekali, elemen dalam unsur tradisi ialah kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera serta etnik lain. Kesemua intipatinya boleh dirujuk dalam Perkara 153. Yang Dipertuan Agong bertanggungjawab menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah etnik lain. Baginda juga perlu melindungi kedudukan orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak seperti rizab tanah, jawatan dalam perkhidmatan awam, biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan dan permit atau lesen perdagangan atau perniagaan. Walau bagaimanapun, Perkara 153 Fasal 4 menjelaskan bahawa segala hak yang disenaraikan dalam Fasal 1 dan 3 ini tidak boleh dilucutkan jawatan atau hak mereka yang telah memegang jawatan tersebut. Tuntasnya, unsur tradisi merupakan unsur atau perjanjian yang telah

diperaku dan selayaknya menjadi elemen dalam Perlembagaan Persekutuan kerana sejarah membuktikan anak watan negara ini mempunyai hak untuk dilayan dengan adil tanpa mengenetepikan hak kaum lain yang telah sama-sama memperjuangkan kemerdekaan. Persetujuan dan kesepakatan ini perlu diimbangi antara hak anak watan iaitu orang Melayu dan Bumiputera dengan kaum lain di Malaysia yang telah diiktiraf kewarganegaraannya. Rakyat Malaysia perlu jelas dengan sejarah negara dan mengambil iktibar daripada segala yang berlaku di negara ini untuk mengelakkan keharmonian yang dikecapi diganggu gugat.

Model KAP (Pengetahuan, Sikap dan Amalan) dan Instrumen Pengukuran


Model KAP ialah singkatan bagi *knowledge, attitude* dan *practices*. Model KAP ini telah bermula pada tahun 1950-an dan merupakan model yang dibangunkan untuk melihat perubahan tingkah laku dalam masyarakat (Andrade et al., 2020). Model KAP juga dikenali sebagai tinjauan pengetahuan, sikap, tingkah laku dan amalan. Model KAP mempunyai beberapa langkah asas yang perlu dilakukan iaitu mengenal pasti topik kajian, pemilihan populasi sasaran, penyediaan soalan KAP, penyediaan pilihan jawapan, pembangunan sistem pemarkahan untuk instrumen, dan pengesahan instrumen. Kajian berkenaan pengetahuan, sikap dan amalan banyak dikaji dalam bidang penjagaan kesihatan, antaranya yang terkini berkenaan COVID-19, penyakit berjangkit, aktiviti senaman fizikal, dan sebagainya (Andrade et al., 2020; Fontes et al., 2016;

Iradukunda et al., 2021; Mohammad Nasir et al., 2013; Van Herck et al., 2004; Yousaf et al., 2020).

Namun, tidak dinafikan selain bidang kesihatan, bidang sains sosial dan kemanusiaan turut menggunakan model KAP antaranya yang melibatkan alam sekitar dan pendidikan perubahan iklim (Jamilah Ahmad et al., 2011; Karami et al., 2017). Dari segi pengukuran KAP, semua pendekatan kualitatif, kuantitatif dan campuran digunakan pengkaji lepas. Kebanyakan soal selidik dibangunkan sendiri oleh penyelidik berdasarkan kepada tujuan kajian masing-masing (Getaneh et al., 2021; Li et al., 2021; Ogoina et al., 2021). Pelbagai alat digunakan untuk mengukur pengetahuan, sikap dan amalan. Terdapat banyak kajian yang menggunakan model Rasch untuk mengesahkan instrumen KAP (Akram et al., 2015; Trakman et al., 2017). Malahan terdapat juga kajian KAP yang hanya menggunakan pengujian

kebolehpercayaan dalaman iaitu dengan melihat nilai *Cronbach alpha* sahaja (Bates et al., 2020; Hussain et al., 2021; Poorolajal et al., 2012). Ini kerana, pengetahuan bukan pembolehubah pendam. Maka analisis yang paling sesuai digunakan ialah analisis model Rasch. Bagi sikap dan penghayatan, lima skala Likert digunakan untuk mendapatkan persetujuan responden, maka proses pembinaan instrumen adalah seperti prosedur biasa iaitu menggunakan CFA bagi instumen yang baru dibangunkan. Pembinaan instrumen merupakan proses yang perlu dilakukan dengan teliti dan melalui prosedur yang betul untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibangunkan.

Bersandarkan model KAP, kerangka konseptual dapat dirangka bagi kajian ini (Rajah 1). Hubungan antara pengetahuan, sikap dengan penghayatan (menggantikan perkataan amalan) saling berkait antara satu sama lain.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian berpandukan model KAP

Pengetahuan merujuk kepada apa-apa yang diketahui berkaitan unsur tradisi, bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja dalam Perlembagaan Persekutuan. Sikap pula merujuk kepada pandangan ataupun perbuatan berdasarkan kepada unsur tradisi, bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja dalam Perlembagaan Persekutuan. Akhir sekali, penghayatan merujuk kepada menghayati, mengalami dan merasai dalam batin tentang unsur tradisi, bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja dalam Perlembagaan Persekutuan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, dijalankan secara keratan rentas. Kajian keratan rentas dijalankan kerana data diambil sekali sahaja pada tempoh masa yang dijalankan terhadap masyarakat Malaysia etnik Melayu, Cina dan India. Soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk pengumpulan data. Populasi kajian ialah rakyat Semenanjung Malaysia. Mengikut pengiraan sampel Krejcie dan Morgan (1970), sampel bagi 26.9 juta rakyat Malaysia pada tahun 2020 ialah sebanyak 384. Walau bagaimanapun, lebih besar saiz yang diambil akan lebih mendekati keadaan populasi sebenar. Turut mengambil kira ialah sampel saiz bagi etnik India yang hanya 10 peratus, maka sebanyak 2600 sampel dipilih untuk mewakili sampel kajian ini. Namun setelah *outlier* (berpandukan kepada analisis SPSS) dan data yang rosak dibuang sebanyak

211 responden, responden yang diperoleh hanya 2389 orang. Sampel kajian ini terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India yang berusia 18 tahun ke atas. Nisbah sampel dipilih mengikut populasi iaitu 65%: 25%: 10% berpandukan kepada populasi semasa penduduk Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Prosedur Pembinaan Kajian Indeks Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi Perlembagaan Persekutuan (KIUTPP)

Pembinaan skala pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi (KIUTPP) melibatkan beberapa langkah berdasarkan pembinaan skala DeVellis (2017). Langkah pertama ialah menentukan ukuran bagi pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi. Kumpulan item dan format ukuran ditentukan. Item-item dibangunkan berdasarkan unsur tradisi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu merangkumi bahasa, agama, kedudukan istimewa kaum Melayu dan sistem beraja (Perkara 32, 38, 40, 41, 42, 44, 70, 3, 11, 153 dan 152). Langkah seterusnya ialah soal selidik disemak oleh lima orang pakar bidang sosiologi perlembagaan dan dua orang pakar psikometrik. Kemudian pengesahan item dilakukan, iaitu ujian rintis dijalankan (Jadual 2). Sebanyak dua kali ujian rintis dijalankan iaitu keputusannya seperti berikut:

Setelah ujian rintis dilakukan, data diedarkan kepada responden kajian dan dianalisis secara deskriptif dan analisis model Rasch serta *Structural Equation Modeling* (SEM) menggunakan perisian

Jadual 2
Keputusan ujian rintis

Konstruk	Cronbach's Alpha (α)	Keputusan
Pilot 1 (N = 200)	Bahagian A (17 items): .643	Tiada item dibuang, tambah 1 item
	Bahagian B (17 items): .755	Kekal
	Bahagian C (11 items): .492	Buang item C1&C5 ($\alpha=.622$), tambah 1 item
Pilot 2 (N = 191)	Bahagian A (18 items): .750	Semua item kekal
	Bahagian B (17 items): .872	
	Bahagian C (10 items): .718	

SPSS 23, Jamovi 1.8.4 dan Amos 26. Bagi tujuan pengedaran borang soal selidik, kelulusan etika penyelidikan telah dimohon dan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan USIM (diluluskan pada 19 Januari 2021, kod: USIM/JKEP/2021-122). Persetujuan setiap responden diperoleh terlebih dahulu sebelum soal selidik diedarkan.

Instrumen

Konstruk Item. Tiga konstruk dibangunkan iaitu konstruk pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi. Sebanyak 45 item iaitu 18 item mengukur pengetahuan responden dengan tiga skala (betul, salah dan tidak tahu), 17 item untuk mengukur sikap dengan skala 1 hingga 5 (1 = sangat tidak setuju dan 5 = sangat setuju) dan 10 item untuk mengukur penghayatan unsur tradisi dengan skala 1 hingga 5 (1 = tidak pernah langsung, 2 = pernah sekali, 3 = kadang-kadang (2-3 kali), 4 = kerap (4-5 kali), 5 = sangat kerap (lebih dari 5 kali)).

Kesahan Muka. Kesahan muka hanya melihat sama ada soal selidik ini mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kesahan muka dilakukan oleh tiga orang pakar bidang sosiologi dan dua orang pakar psikometrik, dan mereka memperakukan bahawa soal selidik ini sesuai dan sah digunakan dengan beberapa komen penambahbaikan.

Kesahan Kandungan. Berbeza dengan kesahan muka yang hanya melihat soal selidik dari sudut pandang orang biasa, melihat kepada ayat, ejaan dan dari sudut psikometrik, kesahan kandungan lebih kepada melihat kesesuaian isi kandungan soal selidik. Empat orang pakar dalam perlembagaan telah mengesahkan dan memperbaik soal selidik agar sesuai dengan isi dan relevan dengan unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan pada masa kini.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen. Bagi konstruk pengetahuan, disebabkan konstruk ini berbentuk dikotomi (dua skala jawapan berbentuk nombor binari 0 dan 1) maka ujian *Dichotomous Rasch Model* berdasarkan analisis IRT (*item response theory*) digunakan untuk mengukur kebolehpercayaan item, kesesuaian item dan tahap kesukaran item. Ukuran bagi kebolehpercayaan instrumen kajian

bagi konstruk sikap dan penghayatan ditentukan oleh kebolehpercayaan dalaman, kebolehpercayaan konstruk, dan memenuhi nilai *Average Variance Extracted* (AVE). Kebolehpercayaan dalaman ialah nilai *Cronbach alpha* yang melebihi .7 (Hair et al., 2010). Sebelum analisis dilakukan, data dibersihkan iaitu membuang data-data yang hilang (*missing value*) dan data-data yang dianggap tidak normal. *Outlier* iaitu data yang menyimpang terlalu jauh dari data-data yang lain juga perlu dibuang. Data bertaburan secara normal.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Seramai 2389 responden kajian ini terdiri daripada 1429 orang lelaki dan 960 orang perempuan. Ini menunjukkan responden lelaki lebih berminat dengan kajian berkaitan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, lokasi responden kajian majoritinya ialah bandar. Tetapi golongan luar bandar juga menyertai

Jadual 3
Latar belakang responden

	Kategori	Kekerapan (Peratus)
Jantina	Lelaki	1429 (59.8)
	Perempuan	960 (40.2)
Lokasi	Bandar	1493 (62.4)
	Luar bandar	896 (37.5)
Pendidikan	Tidak bersekolah	4 (0.2)
	Sekolah rendah	4 (0.2)
	Sekolah menengah	247 (10.3)
	Universiti/kolej/ maktab	2134 (89.3)

kajian ini iaitu sebanyak 896 orang. Taraf pendidikan tertinggi responden ialah pendidikan universiti atau kolej atau maktab iaitu seramai 2134 orang responden, diikuti pendidikan sekolah menengah seramai 247 orang (Jadual 3).

Kesahan dan Kebolehcapaian Pembolehubah Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi

Nilai kebolehpercayaan pembolehubah pengetahuan, sikap dan penghayatan adalah melebihi 0.7 (Jadual 4). Daripada keputusan ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan dalaman setiap konstruk adalah baik.

Kesesuaian Item bagi Konstruk


Pengetahuan. Kesesuaian item berdasarkan daripada analisis menggunakan model Rasch yang diterima untuk statsistik MNSQ Outfit bagi item dikotomi adalah 05 hingga 1.5 (Linacre, 2012). Nilai yang melebihi 1.5 menunjukkan item yang tidak sama cirinya dengan item-item lain dalam satu skala pengukuran. Manakala nilai di bawah 0.5 menunjukkan pertindihan atau pengulangan dengan item lain. Item yang baik ialah menghampiri nilai 1.0. item yang di luar julat ini perlu dibuang untuk

Jadual 4
Kebolehpercayaan dalaman konstruk pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi

	Pembolehubah	Nilai kebolehpercayaan item (α)
Pengetahuan (18 item)		.702
Sikap (17 item)		.864
Penghayatan (10 item)		.794

menghasilkan instrumen yang berkualiti. Hasil data kajian ini menunjukkan nilai logit bagi konstruk pengetahuan terhadap unsur tradisi adalah antara 0.583 hingga 1.362, maka tiada item yang perlu dibuang bagi konstruk pengetahuan. Keputusan analisis bagi kesesuaian item untuk konstruk pengetahuan adalah seperti dalam Jadual 5.

Item-item bagi konstruk pengetahuan merupakan soalan yang mudah (Jadual 5 dan Rajah 2). Bagi ruangan perkadarannya, didapati kebanyakan item mampu dijawab dengan betul melebihi 90%. Tahap kesukaran juga menunjukkan item-item ini sangat tidak sukar. Tahap kesukaran item juga boleh dilihat melalui peta Wright.



Rajah 2. Peta Wright bagi konstruk pengetahuan

Jadual 5
Kesesuaian item bagi konstruk pengetahuan

Item	Perkadaran (<i>Proportion</i>)	Pengukuran	Pengukuran S.E	Infit	Outfit
A1	0.891	-2.630	0.0707	0.981	0.906
A2	0.988	-5.148	0.1927	0.978	0.583
A3	0.949	-3.552	0.0972	1.027	0.940
A4	0.964	-3.934	0.1131	1.015	1.041
A5	0.937	-3.303	0.0886	1.090	1.362
A6	0.964	-3.960	0.1143	0.964	0.796
A7	0.987	-5.042	0.1835	1.005	0.807
A8	0.776	-1.599	0.0546	1.023	0.983
A9	0.891	-2.630	0.0707	1.032	0.972
A10	0.943	-3.426	0.0927	0.922	0.656
A11	0.938	-3.318	0.0891	0.916	0.605
A12	0.741	-1.359	0.0523	1.005	0.990
A13	0.624	-0.665	0.0480	1.112	1.163
A14	0.946	-3.478	0.0945	0.942	0.655
A15	0.860	-2.295	0.0642	0.975	0.909
A16	0.857	-2.262	0.0637	0.942	0.842
A17	0.764	-1.516	0.0538	0.992	0.950
A18	0.722	-1.238	0.0513	1.064	1.092

Nota. Infit = Information-weighted mean square statistic; Outfit = Outlier-sensitive means square statistic.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk Sikap dan Penghayatan

Kesahan dan kebolehpercayaan konstruk sikap dan penghayatan ditentukan oleh indeks kesepadan model, kesahan konvergen dan kebolehpercayaan konstruk (CR) menggunakan *Confirmation Factor Analysis* (CFA). Bagi memenuhi indeks kesepadan model, Hair et al. (2010) mencadangkan 3 hingga 4 indeks yang sesuai iaitu *Relative Chi Square*, RMSEA, GFI dan CFI. Nilai *Relative Chi Square* mestilah kurang dari 5.0, nilai RMSEA kurang atau sama dengan 0.08, nilai CFI dan GFI besar daripada atau sama dengan 0.9. Kesahan konvergen pula merangkumi dua kriteria yang perlu dilihat iaitu nilai *Factor Loadings* dan nilai AVE. Kedua-duanya mestilah melebihi nilai 0.5 untuk menentukan kesahan konvergen yang

tinggi (Bryne, 2010; Fornell & Larcker, 1981; Hair et al., 2010).


Daripada Jadual 6 menunjukkan nilai kesahan konvergen yang adalah tinggi, nilai CR dan nilai AVE melebihi 0.5. Seterusnya, indeks kesepadan model bagi konstruk sikap dan penghayatan adalah sepadan sebagaimana keputusan seperti dalam Rajah 3 dan Rajah 4.

Beberapa item bagi konstruk sikap dan penghayatan telah dibuang iaitu item B2, B5, B8, B9, B10, B17, C2, C3, C4, C5 dan C6 (Jadual 7). Berikut merupakan soalan-soalan bagi setiap item. Jika diperhatikan, item-item yang perlu dibuang ini dilihat item yang hampir sama dengan item yang ada dan tidak sesuai untuk diukur dalam mengukur sikap dan penghayatan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.


Jadual 6

Keputusan kebolehpercayaan untuk pengukuran sikap dan penghayatan unsur tradisi

Konstruk	Item	Factor loading	Kebolehpercayaan konstruk (CR)	Purata Varians dipetik (AVE)
Sikap	B1	0.664	0.918 (cemerlang)	0.507
	B3	0.699		
	B4	0.612		
	B6	0.766		
	B7	0.637		
	B11	0.773		
	B12	0.789		
	B13	0.695		
	B14	0.578		
	B15	0.731		
Penghayatan	B16	0.845		
	C1	0.500	0.854 (sangat baik)	0.568
	C7	0.321		
	C8	0.875		
	C9	0.901		
	C10	0.955		



Rajah 3. CFA bagi konstruk sikap



Rajah 4. CFA bagi konstruk penghayatan

Jadual 7

Item yang perlu dibuang

Konstruk sikap

- B2. Saya malu bercakap dalam Bahasa Melayu kerana nampak tidak maju.
- B5. Saya boleh menerima jika etnik lain menggunakan bahasa masing-masing dalam kehidupan sehari-hari mereka.
- B8. Penganut agama lain wajar diberikan kebebasan untuk mengamalkan agama masing-masing.
- B9. Penganut agama lain seharusnya menguruskan hal ehwal agama mereka sendiri tanpa sekatan.
- B10. Saya menerima kedudukan istimewa orang Melayu yang berkaitan dengan pemberian permit atau lesen.
- B17. Peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam, Bahasa Melayu dan institusi beraja jika hendak dipinda perlu mendapat 2/3 majoriti di Parlimen dan perkenan Majlis Raja-Raja.

Konstruk penghayatan

- C2. Saya menggunakan Bahasa Melayu apabila berhadapan dengan urusan rasmi kerajaan.
- C3. Saya menggunakan bahasa ibunda saya dalam urusan sehari-hari.
- C4. Saya meluahkan rasa marah disebabkan gangguan bunyi aktiviti keagamaan (contohnya: laungan azan, loceng gereja atau kuil, dan lain-lain).
- C5. Saya menyuarakan rasa tidak puas hati berkenaan sesetengah aktiviti keagamaan etnik lain.
- C6. Saya patuh kepada perintah Yang Dipertuan Agong.

Setelah item-item tersebut dibuang, maka item-item yang tinggal dan boleh digunakan adalah seperti dalam Jadual 8.

Tahap Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi Masyarakat Malaysia

Hasil daripada tinjauan terhadap 2389 orang responden yang diperoleh daripada media sosial menggunakan khidmat iklan Facebook, seramai 65.5% etnik Melayu, 22.5% etnik Cina dan 12.1% etnik India yang semuanya berada di lokasi Malaysia menunjukkan secara puratanya berada pada tahap yang tinggi bagi pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi (Jadual 9).

Daripada semua item yang diajukan, hanya satu item sahaja yang berada pada tahap sederhana iaitu item A13. Item ini bertanyakan tentang “Kepentingan sah orang Cina dan India dalam institusi pendidikan tinggi awam, permit atau lesen dan perkhidmatan awam tidak boleh dilucutkan.” Ini menunjukkan pengetahuan responden rata-ratanya berkenaan kepentingan sah etnik lain adalah sederhana. Walaupun Perlembagaan Persekutuan banyak ditulis mengenai kepentingan sah etnik Melayu dan Bumiputera, namun kepentingan sah etnik lain yang merupakan warganegara Malaysia turut tidak dinafikan. Item lain selain item A13, semuanya berada pada tahap tinggi.

Jadual 8
Soal selidik yang sepadan dan boleh digunakan

Pengetahuan berkenaan unsur tradisi	
A1	Unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan terdiri daripada Bahasa Melayu, Islam, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja.
A2	Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan.
A3	Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam semua urusan rasmi kerajaan.
A4	Bahasa selain bahasa Melayu boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja.
A5	Etnik Cina dan India boleh menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam urusan sehari-hari.
A6	Agama Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan.
A7	Agama lain boleh diamalkan di Malaysia.
A8	Menurut Perlembagaan Persekutuan, penganut agama lain selain Islam tidak boleh menyebarkan agama mereka kepada penganut agama Islam.
A9	Penganut agama lain boleh menguruskan hal ehwal agama mereka sendiri tanpa sekatan.
A10	Kedudukan istimewa orang Melayu telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
A11	Yang Dipertuan Agong bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah etnik lain.
A12	Kemasukan orang Melayu dalam institusi pendidikan tinggi awam, pemberian permit atau lesen dan pelantikan dalam perjawatan perkhidmatan awam merupakan kedudukan istimewa orang Melayu.
A13	Kepentingan sah orang Cina dan India dalam institusi pendidikan tinggi awam, permit atau lesen dan perkhidmatan awam tidak boleh dilucutkan.
A14	Yang Dipertuan Agong adalah Ketua Utama Negara Malaysia.
A15	Yang Dipertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicara baginda untuk melantik Perdana Menteri.
A16	Yang Dipertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicara baginda untuk tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran parlimen.

Jadual 8 (*bersambung*)

-
- A17 Peruntukan agama Islam, Bahasa Melayu dan institusi beraja tidak boleh dipinda walaupun dalam keadaan darurat.
- A18 Peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam, Bahasa Melayu dan institusi beraja jika hendak dipinda perlu mendapat 2/3 majoriti di Parlimen dan perkenan Majlis Raja-Raja.
-

Sikap terhadap unsur tradisi

- B1 Saya menerima penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan.
- B3 Saya bangga Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- B4 Saya merasa selesa menggunakan Bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari.
- B6 Saya menerima Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia.
- B7 Penyebaran agama lain terhadap penganut agama Islam adalah tidak dibenarkan.
- B11 Saya menerima kedudukan istimewa orang Melayu yang berkaitan dengan pelantikan dalam perjawatan perkhidmatan awam.
- B12 Saya menerima orang Melayu ada peruntukan khas dalam kemasukan pendidikan tinggi awam di Malaysia.
- B13 Saya bangga Yang Dipertuan Agong merupakan ketua utama bagi Negara Malaysia.
- B14 Saya menerima Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa dalam hal ehwal agama Islam.
- B15 Saya setuju Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa dalam hal berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu.
- B16 Saya menerima peruntukan agama Islam, Bahasa Melayu dan institusi beraja tidak boleh dipinda walaupun dalam keadaan darurat.
-

Penghayatan berkenaan unsur tradisi

- C1 Saya terima dengan terbuka unsur tradisi (Bahasa Melayu, agama Islam, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja) yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
- C7 Saya menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap Yang Dipertuan Agong.
- C8 Saya bantah peruntukan kemasukan orang Melayu dalam pendidikan tinggi awam.
- C9 Saya bantah pemberian permit atau lesen kepada orang Melayu.
- C10 Saya bantah peruntukan pelantikan orang Melayu dalam perjawatan perkhidmatan awam.
-

Jadual 9

Tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi

Pengetahuan terhadap Unsur Tradisi

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
A1. Unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan terdiri daripada bahasa Melayu, Islam, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja.	0.89	0.31	Tinggi
A2. Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan Persekutuan.	0.99	0.11	Tinggi
A3. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam semua urusan rasmi kerajaan.	0.95	0.22	Tinggi
A4. Bahasa selain bahasa Melayu boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja.	0.96	0.19	Tinggi
A5. Etnik Cina dan India boleh menggunakan bahasa ibunda masing-masing dalam urusan sehari-hari.	0.94	0.24	Tinggi
A6. Agama Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan.	0.96	0.19	Tinggi

Jadual 9 (*bersambung*)

A7. Agama lain boleh diamalkan di Malaysia.	0.99	0.11	Tinggi
A8. Menurut Perlembagaan Persekutuan, penganut agama lain selain Islam tidak boleh menyebarkan agama mereka kepada penganut agama Islam.	0.78	0.42	Tinggi
A9. Penganut agama lain boleh menguruskan hal ehwal agama mereka sendiri tanpa sekatan.	0.89	0.31	Tinggi
A10. Kedudukan istimewa orang Melayu telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.	0.94	0.23	Tinggi
A11. Yang Dipertuan Agong bertanggungjawab melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah etnik lain.	0.94	0.24	Tinggi
A12. Kemasukan orang Melayu dalam institusi pendidikan tinggi awam, pemberian permit atau lesen dan pelantikan dalam perjawatan perkhidmatan awam merupakan kedudukan istimewa orang Melayu.	0.74	0.44	Tinggi
A13. Kepentingan sah orang Cina dan India dalam institusi pendidikan tinggi awam, permit atau lesen dan perkhidmatan awam tidak boleh dilucutkan.	0.62	0.48	Sederhana
A14. Yang Dipertuan Agong adalah Ketua Utama Negara Malaysia.	0.95	0.23	Tinggi
A15. Yang Dipertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicara baginda untuk melantik Perdana Menteri.	0.86	0.35	Tinggi
A16. Yang Dipertuan Agong boleh bertindak menurut budi bicara baginda untuk tidak memperkenankan permintaan bagi pembubaran parlimen.	0.86	0.35	Tinggi
A17. Peruntukan agama Islam, Bahasa Melayu dan institusi beraja tidak boleh dipinda walaupun dalam keadaan darurat.	0.76	0.42	Tinggi
A18. Peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam, bahasa Melayu dan institusi beraja jika hendak dipinda perlu mendapat 2/3 majoriti di Parlimen dan perkenan Majlis Raja-Raja.	0.72	0.45	Tinggi

Sikap terhadap Unsur Tradisi

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1. Saya menerima penggunaan Bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan.	4.63	.77	Tinggi
B3. Saya bangga Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.	4.58	.84	Tinggi
B4. Saya merasa selesa menggunakan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian.	4.58	.86	Tinggi
B6. Saya menerima Islam sebagai agama persekutuan di Malaysia.	4.57	.93	Tinggi
B7. Penyebaran agama lain terhadap penganut agama Islam adalah tidak dibenarkan.	4.03	1.38	Tinggi
B11. Saya menerima kedudukan istimewa orang Melayu yang berkaitan dengan pelantikan dalam perjawatan perkhidmatan awam.	3.85	1.42	Tinggi
B12. Saya menerima orang Melayu ada peruntukan khas dalam kemasukan pendidikan tinggi awam di Malaysia.	3.93	1.43	Tinggi
B13. Saya bangga Yang Dipertuan Agong merupakan ketua utama bagi Negara Malaysia	4.61	.83	Tinggi
B14. Saya menerima Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa dalam hal ehwal agama Islam.	4.70	.72	Tinggi
B15. Saya setuju Yang Dipertuan Agong mempunyai kuasa dalam hal berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu.	4.61	.86	Tinggi

Jadual 9 (*bersambung*)

B16. Saya menerima peruntukan agama Islam, Bahasa Melayu dan institusi beraja tidak boleh dipinda walaupun dalam keadaan darurat.	4.27	1.234	Tinggi
---	------	-------	--------

Penghayatan Unsur Tradisi

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
C1. Saya terima dengan terbuka unsur tradisi (Bahasa Melayu, agama Islam, kedudukan istimewa orang Melayu dan sistem beraja) yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.	4.30	1.08	Tinggi
C7. Saya menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap Yang Dipertuan Agong.	4.65	0.83	Tinggi
C8. Saya bantah peruntukan kemasukan orang Melayu dalam pendidikan tinggi awam.	4.30	1.21	Tinggi
C9. Saya bantah pemberian permit atau lesen kepada orang Melayu.	4.29	1.21	Tinggi
C10. Saya bantah peruntukan pelantikan orang Melayu dalam perjawatan perkhidmatan awam.	4.27	1.23	Tinggi

Ini kerana item yang diajukan ini ialah soalan-soalan asas mengenai kontrak sosial dan dapatan ini menunjukkan bahawa rata-rata responden mempunyai pengetahuan asas berkenaan kontrak sosial, mempunyai sikap yang positif dan menghayati kontrak sosial yang menjadi perkara asas perpaduan negara. Walau bagaimanapun, masih menjadi kerunsingan apabila masih wujud segelintir responden yang tidak mempunyai pengetahuan asas berkaitan unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan, sikap negatif dan kurang penghayatan responden terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Segelintir individu ini yang mampu menjadi punca kepada konflik dan pencetus isu perkauman. Sebagaimana yang telah berlaku sebelum ini, hanya beberapa individu yang mencetuskan provokasi antara kaum, dan sentimen begini cepat menarik perhatian masyarakat umum dan menaikkan rasa marah dan menyebabkan pelbagai pihak terjebak

dengan emosi yang tidak baik hingga menambah lagi api kemarahan antara kaum. Maka sewajarnya semua rakyat Malaysia tanpa ada yang terkecuali mempunyai pengetahuan asas berkaitan dengan unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan dan mempunyai sikap yang positif terhadap elemen-elemen ini serta menghayati apa yang telah terkandung dalam unsur tradisi dalam kehidupan sehari-hari.

KESIMPULAN

Unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan isu yang menarik untuk dikaji terutama dari segi pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat Malaysia terhadap unsur tradisi. Melalui media sosial, isu sebegini lantang disuarakan, maka alat ukuran KIUTPP ini wajar dibangunkan dan diuji kesahaman dan kebolehpercayaannya. Seterusnya, ukuran sebenar tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan rakyat Malaysia terhadap unsur tradisi dapat diukur

dengan lebih tepat. Selain itu, pembangunan dan pengesahan instrumen KIUTPP ini boleh digunakan oleh pengkaji akan datang untuk mengukur tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi di Malaysia. Walau bagaimanapun, lebih banyak lagi item yang diperlukan untuk mengukur pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi. KIUTPP yang dibangunkan ini hanyalah asas. Hasil daripada instrumen ini juga telah menunjukkan tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat Malaysia terhadap unsur tradisi secara puratanya adalah tinggi. Sewajarnya, dapatan ini menunjukkan keputusan yang tinggi kerana soalan yang diajukan adalah soalan asas yang sewajarnya semua tahu dan patuhi.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) Kementerian Pengajian Tinggi. Tajuk penyelidikan: Pembinaan indeks pengetahuan, pemahaman dan penghayatan kontrak sosial dalam Perlembagaan Persekutuan di Malaysia. Kod projek: FRGS/1/2019/SS06/USIM/03/2.

RUJUKAN

- Akram, W., Hussein, M. S. E., Ahmad, S., Mamat, M. N., & Ismail, N. E. (2015). Validation of the knowledge, attitude and perceived practice of asthma instrument among community pharmacists using Rasch analysis. *Saudi Pharmaceutical Journal*, 23(5), 499-503. <https://doi.org/10.1016/j.jsp.2015.01.011>
- Andrade, C., Menon, V., Ameen, S., & Kumar Praharaj, S. (2020). Designing and conducting knowledge, attitude, and practice surveys in

psychiatry: Practical guidance. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 42(5), 478-481. <https://doi.org/10.1177/0253717620946111>

Arkib Negara Malaysia. (2020). *Suruhanjaya Perlembagaan Reid*. Kementerian Perpaduan Negara. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/suruhanjaya-perlembagaan-reid>

Bates, B. R., Moncayo, A. L., Costales, J. A., Herrera-Cespedes, C. A., & Grijalva, M. J. (2020). Knowledge, attitudes, and practices towards COVID-19 among ecuadorians during the outbreak: An online cross-sectional survey. *Journal of Community Health*, 45(6), 1158-1167. <https://doi.org/10.1007/s10900-020-00916-7>

Bryne, B. M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, application and programing*. Lawrence Erlbaum Associates, Inc.

DeVellis, R. F. (2017). *Scale development: Theory and applications*. University of North Carolina.

Fontes, M. B., Crivelaro, R. C., Scartezini, A. M., Lima, D. D., Garcia, A. de A., & Fujioka, R. T. (2016). Determinants of sexual and reproductive health among Brazilian youth (Aged 18 to 29 years old). *Acta Scientiarum - Health Sciences*, 38(2), 211-218. <https://doi.org/10.4025/actascihealthsci.v38i2.31011>

Fornell, C., & Larcker, D. F. (1981). Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error. *Journal of Marketing Research*, 18(1), 39-50. <https://doi.org/10.1177/002224378101800104>

Getaneh, A., Tegegne, B., & Belachew, T. (2021). Knowledge, attitude and practices on cervical cancer screening, prevention, and control among undergraduate female students in Northwest, Ethiopia: A descriptive cross sectional study. *BMC Public Health*, 21(1), Article 775. <https://doi.org/10.1186/s12889-021-10853-2>

- Hair, J. F., Black, W. C., Robin, B. J. & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Prentice Hall.
- Haqimie, K. (2019). Kontrak sosial dalam perlembagaan Malaysia: Satu penilaian semula dari sudut Sejarah. *Academia*, 1-5.
- Hussain, I., Majeed, A., Imran, I., Ullah, M., Hashmi, F. K., Saeed, H., Chaudhry, M. O., & Rasool, M. F. (2021). Knowledge, attitude, and practices toward COVID-19 in primary healthcare providers: A cross-sectional study from three tertiary care hospitals of Peshawar, Pakistan. *Journal of Community Health*, 46(3), 441-449. <https://doi.org/10.1007/s10900-020-00879-9>
- Iradukunda, P. G., Pierre, G., Muhozi, V., Denhere, K., & Dzinamarira, T. (2021). Knowledge, attitude, and practice towards COVID-19 among people living with HIV/AIDS in Kigali, Rwanda. *Journal of Community Health*, 46(2), 245-250. <https://doi.org/10.1007/s10900-020-00938-1>
- Jabatan Peguam Negara. (2020). *Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula)*. <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Penemuan utama bancian penduduk dan perumahan Malaysia 2020*. <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/produk-banci/penerbitan/banci-2020/penemuan-utama-banci-2020>
- Jamilah Ahmad, Hasrina Mustafa, Hamidah Abd Hamid, & Juliana Abdul Wahab. (2011). Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar. *Akademika*, 81(3), 103-115.
- Karami, S., Shobeiri, S. M., Jafari, H., & Hendi, G. N. (2017). Assessment of knowledge, attitudes, and practices (KAP) towards climate change education (CCE) among lower secondary teachers in Tehran, Iran. *International Journal of Climate Change Strategies and Management*, 9(3), 402-415. <https://doi.org/10.1108/IJCCSM-04-2016-0043>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Li, D., Liu, Q., Chen, F., Jiang, Q., Wang, T. T., Yin, X., Lu, Z., & Cao, S. (2021). Knowledge, attitudes and practices regarding to rabies and its prevention and control among bite victims by suspected rabid animals in China. *One Health*, 13(December), Article 100264. <https://doi.org/10.1016/j.onehlt.2021.100264>
- Linacre, J. M. (2012). A user's guide to WINSTEPS Ministep. *Winsteps*. <https://www.winsteps.com/a/Winsteps-Manual.pdf>
- Mohamed Ali Haniffa. (2016). Kompromi politik Dato' Onn Jaafar dalam menangani konflik perkauman selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 8(1), 21-28.
- Mohammad Nasir, A., Wan Nor Hazimah, W. A., Mohd Fauzi, M. H., & Muhammad Addin, B. (2013). Reliability and construct validity of knowledge, attitude and practice on dengue fever prevention questionnaire. *American International Journal of Contemporary Research*, 3(5), 69-75.
- Mohd Salleh Abas. (1985). *Unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salleh Abas. (1997). *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia (Edisi Baru)* (Salleh Buang, Rev.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Hasil asli terbitan 1929)
- Nazri Muslim. (2012). Implikasi peruntukan Islam dan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan terhadap hubungan etnik di Malaysia. *Kemanusiaan*, 19(2), 19-62.
- Nazri Muslim, & Ahmad Hidayat Buang. (2012). Islam dalam perlembagaan persekutuan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 20(2), 115-129.

- Nazri Muslim, Faridah Jalil, Abdul Aziz Bari, Mansor Mohd Noor, & Khairul Anwar Mastor. (2011). Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlombagaan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 105-125.
- Nazri Muslim, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan, Azizi Umar, & Nasruddin Yunos. (2013). Analisis peruntukan orang Melayu dalam perlombagaan persekutuan Malaysia dalam konteks hubungan etnik. *Jurnal Melayu*, 11, 63-78.
- Ogoina, D., Iliyasu, G., Kwaghe, V., Out, A., Akase, I. E., Adekanmbi, O., Dalhat, M., Iroezindu, M., Aliyu, S., Oyeyemi, A. S., Rotifa, S., Adeiza, M. A., Unigwe, U. S., Mmerem, J. I., Dayyab, F. M., Habib, Z. G., Otokpa, D., Effa, E., & Habib, A. G. (2021). Predictors of antibiotic prescriptions: A knowledge, attitude and practice survey among physicians in tertiary hospitals in Nigeria. *Antimicrobial Resistance and Infection Control*, 10(1), Article 73. <https://doi.org/10.1186/s13756-021-00940-9>
- Poorolajal, J., Cheraghi, P., Doosti Irani, A., Cheraghi, Z., & Mirfakhraei, M. (2012). Construction of knowledge, attitude and practice questionnaire for assessing plagiarism. *Iranian Journal of Public Health*, 41(11), 54-58.
- Shamrahayu A. Aziz. (2012, Julai 5). *Kuasa dan peranan Raja-Raja Melayu dalam Perlombagaan: Sejarah dan masa depan [Pembentangan seminar]*. Dalam Seminar Perlembagaan Malaysia: ‘Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa’, Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur, Malaysia. <https://melayu.library.uitm.edu.my/4679/1/KUASA%20DAN%20PERANAN%20RAJA-RAJA%20MELAYU%20DALAM%20PERLEMBAGAAN%20%28Edited%29.pdf>
- Trakman, G. L., Forsyth, A., Hoye, R., & Belski, R. (2017). Developing and validating a nutrition knowledge questionnaire: Key methods and considerations. *Public Health Nutrition*, 20(15), 2670-2679. <https://doi.org/10.1017/S1368980017001471>
- Van Herck, K., Castelli, F., Zuckerman, J., Nothdurft, H., Van Damme, P., Dahlgren, A. La, Gargalianos, P., Lopéz-Vélez, R., Overbosch, D., Caumes, E., Walker, E., Gisler, S., & Steffen, R. (2004). Knowledge, attitudes and practices in travel-related infectious diseases: The European Airport Survey. *Journal of Travel Medicine*, 11(1), 3-8. <https://doi.org/10.2310/7060.2004.13609>
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah, & Mohamed Anwar Omar Din. (2017). Islam agama bagi Persekutuan: Satu kajian sejarah perundangan. *Akademika*, 87(3), 177-193.
- Yousaf, M. A., Noreen, M., Saleem, T., & Yousaf, I. (2020). A cross-sectional survey of knowledge, attitude, and practices (KAP) toward pandemic COVID-19 among the general population of Jammu and Kashmir, India. *Social Work in Public Health*, 35(7), 569-578. <https://doi.org/10.1080/19371918.2020.1806983>